

# 'Saya cenderung Dr M terajui negara sehingga selesai APEC'

PH - 14/2/2020 m/s: 2

**Kuala Lumpur:** Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim membangkitkan isu peralihan kuasa dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, semalam.

Beliau membangkitkan isu itu selepas wujud usaha daripada PAS, sekumpulan pemimpin UMNO dan sebilangan kecil pemimpin PKR yang dipercayai berusaha mendapatkan tandatangan bagi menyokong kepemimpinan Dr Mahathir sehingga akhir penggal.

Katanya, Perdana Menteri tidak terbabit dalam usaha terbabit, malah mengulangi kenyataannya bahawa beliau akan melepaskan jawatan seperti yang dijanjikan.

"Saya memaklumkan kepada Perdana Menteri memandangkan

wujud muslihat licik sedemikian, maka pimpinan Pakatan Harapan (PH) dan beberapa rakan lain akan tetap mempertahankan perjanjian Muafakat PH yang dimekaterai pada 7 Januari 2018, yakni tegas menyokong kepemimpinannya selaku Perdana Menteri ketujuh dan saya sebagai Perdana Menteri kelapan.

"Saya cenderung supaya beliau terus menerajui negara sehingga selesai Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC). Namun, perkara ini akan dimuktamadkan pada Mesyuarat Majlis Presiden PH pada 21 Februari ini," katanya dalam kenyataan selepas pertemuan itu.

Selasa lalu, portal berita *Sarawak Report* yang memetik sumber dalam laporannya mendakwa, ter-



**Gambar tular di laman Facebook Anwar** pertemuan dengan Dr Mahathir di pejabat Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya. (Foto Facebook Anwar Ibrahim)

dapat individu yang sudah mengumpulkan Ahli Parlimen menandatangani akuan bersumpah (SD) dalam usaha menafikan keputusan PRU-14 lalu.

Laporan itu juga mendakwa,

Ahli Parlimen yang setia kepada UMNO, PAS, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dan seorang pemimpin kanan dalam PKR sudah diminta datang ke Kuala Lumpur bagi menandata-

ngani SD itu.

Sementara itu, Anwar turut mengingatkan muafakat yang termeterai selama hampir dua tahun usia PH, tidak pernah digugat oleh mana-mana parti bersekutu iaitu PKR, DAP, Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).

PAS sebelum ini dilaporkan menyatakan pendirian untuk menyokong kepemimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sehingga akhir penggal.

UMNO pula seperti didedahkan bekas Ahli Majlis Tertingginya, Datuk Lokman Noor Adam mendakwa Presiden parti itu, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sedang melobi Ahli Parlimennya untuk mendapatkan SD untuk menyokong Dr Mahathir.